

U B857 DEB  
MAHATHIR - HOTEL

PETALING JAYA, 14 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAMHUKAN PARA PENGUSAHA HOTEL MEMPERBAIKI MUTU PERKHIDMATAN DI HOTEL-HOTEL MEREKA UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG KE NEGARA INI.

PERDANA MENTERI KESAL WALAUPUN TERDAPAT BANYAK HOTEL KELAS SATU ATAU MEWAH DI NEGARA INI, MUTU PERKHIDMATANNYA MASIH PERLU DIBERI LEBIH PERHATIAN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA TANPA PERKHIDMATAN YANG BAIK, PARA PENGURUS HOTEL TIDAK DAPAT MEMIKAT PARA PELANCONG UNTUK DATANG LEBIH KERAP LAGI KE NEGARA INI.

WAL HAL PELANCONGAN MERUPAKAN SATU INDUSTRI YANG BOLEH MENDAPAT SAMBUTAN BAIK DAN MENDATANGKAN PERTUKARAN ASING YANG SANGAT DIPERLUKAN OLEH NEGARA KERANA KEJATUHAN HARGA BAHAN-BAHAN MENTAH, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PENGURUSAN YANG BARU HOTEL DAYANG, IAITU EVER EXTRA SDN BHD, SEBUAH USAHASAM ANTARA CARAVAN HOTELS INTERNATIONAL YANG BERPUSAT DI BAHRAIN DENGAN BEBERAPA ORANG PENGUSAHA TEMPATAN. -- LAGI  
1934MST 14 10 86

U B875 DEB  
MAHATHIR - HOTEL 2 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI MENGINGATI PARA PENGUSAHA HOTEL BAHAWA PELANCONGAN MERUPAKAN SATU INDUSTRI BERASASKAN PERKHIDMATAN DAN OLEH ITU HOTEL SEBAGAI SATU KEMUDAHAN PELANCONGAN MESTI MENGUTAMAKAN MUTU PERKHIDMATAN.

PELANCONG-PELANCONG KE NEGARA INI BUKAN DATANG UNTUK MELIHAT HOTEL-HOTEL YANG INDAH TETAPI MELAWAT TEMPAT-TEMPAT YANG MENARIK, KATANYA.

+SEKIRANYA LEPAS MELANCONG DAN BALIK KE BILIK HOTEL UNTUK BEREHAT MEREKA DAPATI KEADAAN BILIK TIDAK KEMAS, MEREKA TENTU KECEWA DAN PERGI KE HOTEL LAIN,+ TAMBAHNYA.

BAGI MENJAMIN PARA PELANGGAN MENDAPAT LAYANAN YANG MEMUASKAN, BELIAU MAHU HUBUNGAN BAIK ANTARA PARA PEKERJA HOTEL DENGAN PIHAK PENGURUSAN MESTI DIPELIHARA SUPAYA PARA PEKERJA TIDAK MELAKUKAN SESUATU YANG TIDAK MENYENANGKAN PARA PELANGGAN.

+SAYA DAPAT TAHU ADA PEKERJA HOTEL SENGAJA BUBUH GARAM DALAM TEMPAT GULA (KERANA MARAHKAN PIHAK PENGURUSAN) DAN KOPI YANG DIMINUM OLEH PELANGGAN MENJADI MASIN,+ KATANYA. -- LAGI  
2007MST 14 10 86

U B882 DEB  
MAHATHIR - HOTEL 3 PETALING JAYA

JIKA PERKARA SEPERTI INI BERLAKU, MUNGKIN PARA PEKERJA DIPERSALAHKAN TETAPI PIHAK PENGURUSAN HOTEL JUGA MESTILAH BERUSAHA MEWUJUDKAN PENGURUSAN YANG DAPAT MENTENTERAMKAN KAKITANGANNYA, KATA BELIAU.

WALAUPUN PIHAK PENGURUSAN INGIN MENGADAKAN PERKHIDMATAN YANG BAIK, HASRAT MEREKA MUNGKIN TIDAK TERCAPAI SEBALIKNYA KEUNTUNGAN MEREKA AKAN MEROSOT SEKIRANYA TIDAK MENDAPAT KERJASAMA DARIPADA KAKITANGANNYA, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BANYAK PENGURUSAN HOTEL GAGAL KERANA MUTU PERKHIDMATANNYA TIDAK MEMUASKAN WALAUPUN BANYAK WANG DIBELANJAKAN UNTUK MENGADAKAN BILIK-BILIK YANG MEWAH DAN INDAH.

BELIAU JUGA MINGGATKAN PARA PEKERJA HOTEL BAHAWA MEREKA HENDAKLAH MENYEDARI PENTINGNYA MUTU PERKHIDMATAN YANG BAIK, KERANA PELUANG PEKERJAAN MEREKA BERGANTUNG KEPADA MAJU MUNDURNYA PERUSAHAAN ITU.

+MENGHORMATI DAN MEMBERI LAYANAN YANG BAIK KEPADA PELANGGAN TIDAK BERERTI PARA PEKERJA MENGHINA DIRI MEREKA, SEBALIKNYA MEREKA DAPAT MENUNJUKKAN BUDI BAHASA RAKYAT NEGARA INI KEPADA PARA PELANCONG,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI  
2031MST 14 10 86

0291

U B883 DEB  
MAHATHIR - HOTEL 4 PETALING JAYA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI SAMPING LAYANAN YANG BAIK PARA PEKERJA DAN PIHAK PENGURUSAN HOTEL MESTI MENGELAK FAKTOR-FAKTOR KECIL TETAPI TIDAK MENYENANGKAN PARA PELANGGAN SEPERTI ALAT PENDINGIN HAWA ROSAK.

BELIAU BERKATA ADA HOTEL BERBANGGA KERANA MEMBELANJAKAN \$300,000 UNTUK SEBUAH BILIK SEDANGKAN ADA BILIK HOTEL DILENGKAPI DENGAN HARGA \$25,000 SAHAJA SUDAH MEMADAI KERANA MUTU PERKHIDMATANNYA LEBIH BAIK.

+SEMENTARA KITA BERBANGGA KERANA MEMILIKI HOTEL YANG BESAR TETAPI TERPAKSA MENANGGUNG KERUGIAN, IA HANYA MENCERMINKAN PENGURUSAN YANG TIDAK CEKAP,+ KATA BELIAU.

KERAJAAN TIDAK SUKA MELIHAT MANA-MANA PERNIAGAAN DI NEGARA INI GAGAL KERANA DALAM SETIAP PERNIAGAAN, KERAJAAN MEMPUNYAI KEPENTINGAN SECARA TIDAK LANGSUNG IAITU UNTUK MENDAPAT CUKAI, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PENGURUSAN BARU HOTEL DAYANG YANG MEMPUNYAI PENYERTAAN EKUITI SYARIKAT BAHRAIN SEBANYAK 30 PERATUS ITU, BERJAYA SUPAYA DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PENGUSAHA ARAB NELABUR DI NEGARA INI. -- BERNAMA  
2037MST 14 10 86